



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SABAH
Tingkat 4, Blok B, Wisma MUIS
Peti Surat 10998
88811 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
Telefon: 088-255877 (7 Talian)
Telefaks: 088-239345



Bil.SPANS : (S)1000-1/7 JILID 2 (49)
Tarikh : 9 Disember 2025

Semua Setiausaha Tetap
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil

Yang Berbahagia Datuk/Tuan/Puan,

**PELAKSANAAN SISTEM i-BETA: PENGESAHAN BEBAS TATATERTIB
PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SECARA DALAM TALIAN**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah (SPANS) menerima pelbagai permohonan pengesahan bebas tatatertib bagi urusan seperti kenaikan pangkat, persaraan pilihan, insentif percutian, penebusan awal Award Gantian Cuti Rehat (GCR) dan pembelian kenderaan terpakai kerajaan.

3. Sehubungan itu, SPANS dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri (JPKN) telah membangunkan Sistem i-BETA, iaitu platform pengesahan bebas tatatertib secara dalam talian. Permohonan boleh dikemukakan melalui Portal Rasmi SPANS (<https://espans.sabah.gov.my/>).

4. Ketua Jabatan hendaklah memastikan semua permohonan yang memerlukan pengesahan tatatertib dikemukakan melalui Sistem i-BETA. Manual pengguna disediakan dalam sistem, manakala pertanyaan teknikal boleh diajukan kepada Bahagian Pembangunan Aplikasi, JPKN dan pertanyaan prosedur kepada Bahagian Tatatertib, SPANS.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(NORHAIDAH MATNOOR)

Setiausaha

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah

"SABAH MAJU JAYA"

...2/

Bil.SPANS : (S)1000-1/7 JILID 2 ()

Tarikh : 9 Disember 2025

- s.k. i. Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
Aras 28, Blok A, Menara Kinabalu
88400 KOTA KINABALU
- ii. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Negeri Sabah
Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah
Aras 15, Blok A, Menara Kinabalu
88400 KOTA KINABALU